

**MAJLIS PERBANDARAN KAJANG
TAWARAN SEBUTHARGA**

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor seperti yang dinyatakan pada para 4 (i-iv) bagi kerja-kerja berikut :-

No. Sebutharga	Tajuk Projek	Gred	Pengkhususan	Tempat Dokumen Dijual	Harga Dokumen (RM)	Tarikh Dokumen Dijual
MPKj S 73/2019	Kerja-kerja Membaikpulih Sebahagian Bumbung Di Pasar Kampung Baru Semenyih, Semenyih Serta Kerja-kerja Yang Berkaitan Dengannya	CIDB G1	CE21	Bahagian Bekalan Dan Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan	50.00	3 Mei 2019 Hingga 17 Mei 2019

KEHADIRAN TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK ADALAH DIWAJIBKAN

Tempat dan Tarikh Melapor Diri Bagi Taklimat :

**Mini Teater Cempaka Telur,
Tingkat 6, Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih,
Off Jalan Semenyih, 43000, Kajang, Selangor Darul Ehsan.**

Tarikh : **3hb Mei 2019** Jam : **8.30 pagi hingga 9.30 Pagi** (Pendaftaran)

- **HANYA PENAMA DI DALAM SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK) SAHAJA YANG DIBENARKAN MENGHADIRI LAWATAN TAPAK & TAKLIMAT**

2. Dokumen Sebutharga akan dijual mulai dari **3hb Mei 2019** hingga **17hb Mei 2019** pada waktu pejabat. Dokumen Sebutharga **TIDAK** akan dijual selepas tempoh ini.
3. Hanya **Penama / Wakil** sahaja yang dibenarkan dalam **urusan pembelian dokumen sebutharga** yang dikeluarkan. (Sila lampirkan surat wakil)
4. Penyebutharga yang berminat adalah **DIWAJIBKAN** untuk menyertai lawatan tapak yang akan diadakan pada tarikh dan masa seperti mana yang telah ditetapkan. Penyebutharga hendaklah membawa bersama sijil-sijil berikut **semasa pendaftaran dan pembelian dokumen** dijalankan :-
 - i) **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK);**
 - ii) **Sijil Taraf Bumiputera (STB);**

- iii) **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB); dan**
- iv) **Berdaftar Dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)**

** Pihak kontraktor perlu melampirkan bukti pendaftaran dengan UPEN.*

5. Salinan-salinan perakuan dan / atau Sijil yang berkenaan boleh diterima jika disahkan oleh pejabat yang mengeluarkannya. Bayaran bagi dokumen sebutharga hendaklah dibuat dalam Ringgit Malaysia dan dalam bentuk Wang Tunai / Bank Draf / Wang Pos / Kiriman Wang Pos Sahaja Atas Nama **Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kajang**.
6. Dokumen sebutharga yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Bahagian Bekalan Dan Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan, Tingkat 6A, Majlis Perbandaran Kajang, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan **pada** atau **sebelum 17HB. MEI 2019 (JUMAAT) JAM 12.00 TENGAHARI**.
7. Majlis Perbandaran Kajang tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah ataupun mana-mana tawaran.

**Bahagian Bekalan Dan Perolehan,
Jabatan Khidmat Pengurusan,
b.p Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Kajang,
Menara MPKj,
Jalan Cempaka Putih, Off Jalan Semenyih,
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.**